

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**
NO. SOALAN : **198**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status perundingan EU-Malaysia FTA. Apakah bab-bab yang terlibat dan bilakah perjanjian ini akan ditandatangani?

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Rundingan MEUFTA yang dimulakan pada 6 Disember 2010 telah ditangguhkan pada bulan September 2012, memandangkan kedua-dua pihak tidak mempunyai mandat pada masa tersebut untuk merunding isu-isu sensitif seperti Perolehan Kerajaan (GP), hak harta intelek, Dasar Persaingan (CP) dan Pembangunan Mampan (*Sustainable Development*).
2. Kedua-dua pihak kini sedang mengkaji prospek penyambungan semula rundingan MEUFTA dengan lebih mendalam, berdasarkan perkembangan semua isu dalam MEUFTA sejak tahun 2012 sehingga kini serta kepentingan MEUFTA kepada Malaysia dan EU.

3. Bab-bab yang mungkin akan dirundingkan di bawah MEUFTA juga sedang dikaji semula bagi mengambilkira kepentingan akses pasaran Malaysia dan EU serta perkembangan isu-isu berkaitan. Buat masa ini, bab-bab sedia ada di bawah MEUFTA termasuk sektor barangan, perkhidmatan, pelaburan peraturan dan prosedur tempas, pentadbiran kastam dan fasilitasi perdagangan, remedi perdagangan, sanitari dan fitosanitari (SPS), Perolehan Kerajaan (GP), Hak Harta Intelek (IPR), dan Persaingan serta dan lampiran-lampiran sektoral bagi bidang-bidang seperti teknologi hijau, automotif, elektrik dan elektronik serta farmaseutikal

4. Tidak boleh dinafikan bahawa EU merupakan rakan dagang yang penting bagi Malaysia. Pada tahun 2016, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan EU adalah sebanyak RM149.1 bilion, dengan kenaikan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2015. Hasil eksport utama Malaysia ke EU merupakan barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit dan produk berasaskan sawit dan barangan optik dan saintifik.

5. EU juga merupakan sumber pelaburan yang penting bagi Malaysia dengan sumbangan sebanyak RM79.5 bilion dalam industri pembuatan sehingga bulan Disember 2016. Sebanyak 1,574 projek pembuatan telah dilaksanakan di Malaysia dengan jumlah pekerjaan sebanyak 178,898. Pelaburan daripada EU tertumpu dalam industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik, kimia dan bahan kimia dan produk galian bukan logam.

6. Sehubungan itu, prospek rundingan semula MEUFTA sedang dikajisemula dengan mendalam untuk mengekalkan daya saing barangan hasil tempatan di pasaran EU.